

26/08/1998

Kerajaan tahu tadbir negara: PM

SHAH ALAM, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan kemampuan Malaysia mengekalkan kedaulatan, kebebasan dan kestabilan politik negara adalah kerana rakyat dan kerajaan tahu mentadbir negara merdeka dengan baik.

Perdana Menteri berkata, Malaysia berjaya mengekalkan kestabilan politik di kalangan rakyat berbilang kaum kerana rakyat Malaysia adalah golongan sederhana.

"Kerajaan tahu menangani masyarakat berbilang kaum dan agama dengan baik, bukan saja memupuk keharmonian tetapi membangunkan negara pada tahap yang lebih baik berbanding negara yang hanya didiami satu kaum," katanya berucap pada majlis perhimpunan rakyat di Stadium Malawati di sini, petang ini yang dihadiri lebih 15,000 rakyat.

Perdana Menteri berkata, masyarakat asing sepatutnya memuji dan mengagumi Malaysia. Sebaliknya mereka tidak berpuas hati dan mahu menghancurkan ekonomi negara dengan menyerang mata wang Malaysia.

Dr Mahathir menjelaskan meskipun mengalami kegawatan ekonomi, Malaysia masih tidak tunduk kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kerana kerajaan dan rakyat tahu bagaimana mahu mengurus negara merdeka.

"Saya percaya rakyat negara kita mahu terus bebas dan mengekalkan kemerdekaan serta berdaulat. Sebab itu kita akan pulihkan negara kita sendiri. Kita bebas kerana kerajaan negara kita tahu mengurus dan mempertahankan negara kita," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan selama ini Malaysia berjaya mencapai tahap negara maju di kalangan negara membangun tanpa pertolongan dan tunjuk ajar pihak asing.

Menurutnya, kerajaan tidak akan meminta bantuan daripada negara kapitalis yang langsung tiada belas kasihan terhadap negara yang mengalami kegawatan, sebaliknya mengambil kesempatan daripada kejatuhan itu untuk mengaut keuntungan.

"Kita tidak memerlukan nasihat mereka. Kita juga jangan belas kasihan kepada kapitalis tamak yang masih banyak wang, tapi masih ingin menyamun kita," katanya.

(END)